



Sembilan siswi cipta sejarah
graduan pertama Darul
Quran MAIK

Hapus stigma, buka peluang
lebih luas buat golongan OKU
- Dato' Rohani

Sistem politik perlu lebih adil,
capai sasaran 30 peratus wanita
- Dato' Mumtaz

Perawat Islam perlu jadi
pendakwah di medan
kesihatan ummah

Pemukiman wakil rakyat Kelantan perkukuh gerak kerja demi kesejahteraan rakyat

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 24 Jun - Program Pemukiman Wakil-Rakyat Negeri Kelantan 2026 yang menghimpunkan Ahli Dewan Negeri (ADN) dan Ahli Parlimen Kelantan menjadi medan menyatukan fikrah, memperkukuh gerak kerja serta meningkatkan iltizam dalam melaksanakan amanah demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri Kelantan.

Demikian kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud sempena pemukiman yang berlangsung di sebuah hotel di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, wakil rakyat perlu membuat persediaan bagi menghadapi persidangan Parlimen yang sedang berlangsung serta Sidang Dewan Negeri yang bakal diadakan supaya setiap isu dan keperluan rakyat dapat dibawa serta



diperjuangkan dengan sebaik-baiknya.

"Pentingnya wakil rakyat menjaga hubungan dengan rakyat agar perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, tersusun dan menyeluruh," jelasnya menerusi media sosial, pada Selasa.

Menurutnya, program itu turut menjadi platform untuk memperkukuh kesepaduan dalam kalangan wakil rakyat bagi memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan

lebih berkesan.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menyifatkan program pemukiman berkenaan sebagai ruang untuk melakukan koreksi terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan serta mencambah idea bagi tujuan penambahbaikan.

"Semoga hasil pemukiman akan membuahkan penambahbaikan pentadbiran kerajaan negeri ke

“

Pentingnya wakil rakyat menjaga hubungan dengan rakyat agar perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, tersusun dan menyeluruh,”

arah yang lebih baik, insya-Allah,” katanya di media sosial pada 23 Jun.

Program Pemukiman yang diurusetikan oleh Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) dan Unit Pemananaan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK), pejabat Menteri Besar Kelantan ini diadakan bagi memberikan ruang koreksi Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dan mencambah idea penambahbaikan untuk kelancaran dan kesejahteraan rakyat.



Sembilan siswi cipta sejarah graduan pertama Darul Quran MAIK

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 25 Jun - Sembilan pelajar perempuan mencipta sejarah apabila menjadi kumpulan pertama siswi yang berjaya menamatkan pengajian di Darul Quran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sejak institusi itu mula menerima kemasukan pelajar perempuan pada 2023.

Mereka adalah sebahagian daripada 32 graduan yang diraikan dalam Majlis Graduasi dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar Darul Quran MAIK 2026 yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, semalam.

Semua graduan terbabit berjaya menghafazkan hafazan al-Quran 30 juzuk dalam tempoh tiga tahun pengajian.

Tengku Temenggong Kelantan yang juga Yang Dipertua MAIK YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata pencapaian kumpulan pertama siswi itu membuktikan komitmen MAIK dalam melahirkan lebih ramai huffaz daripada kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

Katanya, usaha melahirkan huffaz tidak pernah mengehadkan potensi berdasarkan jantina kerana peluang sentiasa terbuka sama rata kepada semua pelajar yang berkecayaan.

"Kejayaan ini juga tidak akan



dapat dicapai tanpa sokongan pensyarah, ibu bapa dan penjaga yang sentiasa bersama pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Pada majlis sama, beliau turut berkongsi perkembangan terkini Darul Quran MAIK termasuk pelaksanaan Program Pra Tahfiz dan Bahasa Arab yang diperkenalkan pada Januari lalu bagi memperkukuh asas pelajar sebelum mengikuti pengajian diploma.

Dalam usaha memperkasakan penguasaan Bahasa Arab, MAIK meneruskan kerjasama strategik dengan Universitas Darussalam (UNIDA) Gontor, Indonesia yang bermula pada 2025.

Melalui kerjasama itu, dua pensyarah telah mengikuti kursus intensif Bahasa Arab di universiti berkenaan, manakala tahun ini program diperluaskan dengan penyer-

taan dua lagi pensyarah serta 20 pelajar.

Kata Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam lagi, Darul Quran MAIK turut memberi tumpuan kepada penawaran program pengajian berkualiti dan berakreditasi yang berfokus kepada bidang tahfiz al-Quran.

Katanya, institusi itu menerima permohonan kemasukan yang tinggi setiap tahun, namun peluang kemasukan terpaksa dihadkan berikutan kekangan kapasiti sedia ada.

"Sehubungan itu, satu pelan tindakan komprehensif sedang dirangka sebagai persediaan untuk menawarkan pelbagai program pengajian berkaitan al-Quran pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Darul Quran MAIK mengambil langkah strategik menjadikan bangunan di atas tanah Lot 11977, Kampung Sungai Pinang, Tumpat yang diwakafkan

“

Kejayaan ini juga tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan pensyarah, ibu bapa dan penjaga yang sentiasa bersama pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka,”

oleh Haji Md Rashid Mohammad sebagai kampus baharu siswi.

Langkah itu membolehkan kapasiti pelajar perempuan ditingkatkan daripada 30 kepada 60 orang pada satu-satu masa sekaligus membuka lebih banyak peluang kepada calon wanita mengikuti pendidikan al-Quran dalam suasana lebih tersusun dan kondusif.

Beliau turut mengingatkan graduan supaya terus memelihara hafazan al-Quran dan menjadikan gelaran al-Hafiz serta al-Hafizah sebagai amanah besar yang perlu diterjemahkan dalam kehidupan seharian.

Katanya, bidang tahfiz kini berkembang sebagai platform melahirkan generasi al-Quran yang berilmu, berakhlak, berdisiplin serta mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.



Kelantan satu-satunya negeri laksana Program Murajaah Hafazan Al-Quran secara tersusun

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 23 Jun - Kelantan menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang melaksanakan Program Murajaah Hafazan Al-Quran secara tersusun dan menyeluruh menerusi inisiatif yang digerakkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Yang Dipertua MAIK YBM Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkata, program berkenaan dilaksanakan bagi mewujudkan suasana dan budaya cintakan al-Quran dalam kalangan masyarakat, selain menyediakan ruang kepada para penghafaz al-Quran mengulang serta mengekalkan hafalan mereka secara berterusan.

Menurutnya, program itu dilaksanakan di masjid-masjid terpilih menerusi penggunaan Modul Murajaah Hafazan Al-Quran MAIK yang digubal dan dibangunkan oleh Jawatankuasa Panel Penilai Program Insentif Huffaz Al-Quran MAIK.

“Modul ini dibangunkan di bawah pimpinan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Sahibul Samahah Dato’ Kaya Perba Dato’ Mohamad Shukri Mohamad bersama para pakar dalam bidang al-



Quran.

“Program ini amat istimewa dan membanggakan kerana setakat ini Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang melaksanakan program seumpama ini secara tersusun dan menyeluruh.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Graduasi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Program Murajaah Hafazan Al-Quran MAIK Tahun 2025 di sebuah hotel di sini, semalam.

Dalam majlis tersebut, YBM Tengku Mohamad Rizam mengurniakan Sijil Anugerah Masjid Mesra Huffaz Al-Quran sebagai tanda penghargaan kepada 35 buah masjid yang terpilih sebagai lokasi pelaksanaan Program Murajaah Hafazan al-Quran 2025.

Beliau turut mengurniakan sumbangan kebersihan dan keceriaan masjid berupa wang tunai berjumlah RM3,000 kepada setiap masjid di seluruh Kelantan dengan jumlah keseluruhan RM1.794 juta.

Program Murajaah Hafazan al-Quran MAIK dilaksanakan bermula Mei 2025 hingga April 2026 di 35 masjid terpilih di seluruh Kelantan dengan bimbingan 35 pembimbing yang terdiri daripada penerima Insentif Huffaz Al-Quran MAIK 2025.

Menurut Tengku Mohamad Rizam lagi, kejayaan program tersebut membuktikan kesungguhan peserta dan pembimbing, selain memperlihatkan peranan institusi masjid sebagai pusat pembangunan ilmu, pembinaan sahsiah dan pemupukan budaya al-Quran da-

lam masyarakat.

Beliau berkata, MAIK akan terus komited melaksanakan program seumpama itu secara berterusan bagi memastikan pembangunan ummah dapat diperkukuhkan secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

Pada masa sama, beliau merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Akademi Latihan Al-Muhammadi (ALAMi), para pembimbing, pihak masjid, peserta serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.

“Semoga segala usaha yang dilaksanakan menjadi asbab kepada pembangunan ummah yang berilmu, berkemahiran dan berpegang teguh kepada ajaran al-Quran,” katanya.

Hapus stigma, buka peluang lebih luas buat golongan OKU – Dato’ Rohani



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 22 Jun – Usaha menghapuskan stigma negatif terhadap komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) serta membuka lebih banyak peluang kepada mereka merupakan langkah penting dalam memastikan golongan berkenaan dapat mengembangkan potensi sebenar, sekali gus menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan inklusif dalam arus pembangunan

masyarakat.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato’ Rohani Ibrahim berkata, setiap individu dalam kalangan OKU mempunyai keistimewaan tersendiri yang wajar dihargai serta diberikan ruang yang adil untuk turut serta dalam pembangunan negeri dan masyarakat.

Beliau berkata demikian setelah merasmikan Kursus Pengukuhan Organisasi Majlis Persefahaman



Pertubuhan OKU Kelantan (MP-POK) yang menghimpunkan penggerak OKU dari seluruh Kelantan di sebuah hotel di sini, pada Isnin.

Menurutnya, tanggungjawab bersama bukan sekadar menyediakan kemudahan asas, malah turut merangkumi usaha memperbetulkan persepsi masyarakat terhadap kemampuan sebenar golongan OKU.

“Komuniti OKU mempunyai keistimewaan sendiri. Tanggung-

jawab kita ialah membuka peluang dan menghapus stigma masyarakat serta memperkukuh kefahaman agar mereka dapat menyerlahkan potensi sebenar mereka,” katanya di laman rasmi pada 16 Jun.

Dato’ Rohani turut berharap agar kursus berkenaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta dalam memperkasakan kompetensi serta memperkukuh peranan penggerak OKU di seluruh negeri.

Katanya, usaha tersebut selaras dengan aspirasi Dasar OKU Muqarrarun yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh bagi melahirkan golongan OKU yang berilmu, bertakwa dan berakhlak mulia.

“Kursus selama dua hari bermula 16 hingga 17 Jun ini menjadi platform penting dalam memperkukuh jaringan kerjasama penggerak OKU di seluruh Kelantan” ujarnya.

Fahami Perkara 11(4) perlembagaan sebelum bahas isu kebebasan beragama – YB Nik Bahrum



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 24 Jun – Masyarakat perlu memahami kandungan sebenar Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan sebelum membahaskan isu kebebasan beragama agar perbincangan yang berlangsung berasaskan fakta dan kerangka undang-undang negara.

Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Nik Bahrum Nik Abdullah berkata, kebelakangan ini semakin ramai memperkatakan mengenai kebebasan beragama namun tidak semua meneliti keseluruhan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan sehingga timbul dakwaan bahawa penyebaran agama

selain Islam kepada orang Islam merupakan hak yang dilindungi sepenuhnya oleh Perlembagaan.

Menurutnya, Perkara 11 sememangnya menjamin kebebasan setiap individu untuk menganuti dan mengamalkan agama masing-masing namun Perkara 11(4) turut memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan bagi Wilayah Persekutuan undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama kepada orang yang menganuti agama Islam.

“Dengan kata lain, kuasa untuk mengawal atau menyekat penyebaran agama selain Islam kepada umat Islam bukanlah sesuatu yang diwujudkan kemudian oleh kerajaan atau mahkamah sebaliknya telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sendiri,” katanya menerusi laman rasmi pada Sabtu lalu.

YB Nik Bahrum menjelaskan, kewujudan peruntukan tersebut mempunyai asas sejarah yang jelas

apabila ia merupakan antara tuntutan penting Raja-Raja Melayu semasa rundingan kemerdekaan bagi memastikan agama Islam dan akidah umat Islam terus terpelihara.

Tambahnya, para penggubal Perlembagaan ketika itu menerima bahawa kebebasan beragama perlu diseimbangkan dengan satu mekanisme perlindungan terhadap umat Islam demi menjaga ketenteraman awam, kestabilan masyarakat dan keselamatan negara.

Beliau turut menegaskan bahawa Perkara 11(4) tidak bermaksud agama-agama lain tidak boleh berkembang di Malaysia kerana penganut pelbagai agama tetap bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing, mengurus institusi keagamaan serta menyampaikan ajaran kepada penganut agama mereka tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa.

“Apa yang dibenarkan untuk dikawal atau disekat ialah usaha menyebarkan agama selain Islam kepada orang Islam,” jelasnya.

Menurutnya lagi, atas dasar itu juga banyak negeri telah menggubal Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam selaras dengan kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Beliau berkata, hak untuk menganuti agama merupakan hak yang dilindungi, namun hak untuk menyebarkan agama lain kepada orang Islam bukanlah hak mutlak kerana Perlembagaan sendiri membenarkan aktiviti tersebut dikawal dan disekat melalui undang-undang.

Sehubungan itu, YB Nik Bahrum menggesa masyarakat agar meneliti keseluruhan kandungan Perlembagaan sebelum membuat sebarang tafsiran atau perbincangan mengenai isu kebebasan beragama.

“Perbincangan yang jujur mesti bermula dengan mengakui apa yang sebenarnya tertulis dalam Perlembagaan kerana Perkara 11 bukan sekadar mengandungi jaminan kebebasan beragama, tetapi turut mengandungi Perkara 11(4),” ujarnya.

WNA Beauty dinobatkan Tokoh Usahawan Wanita DUN Temangan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 24 Jun – Pengasas WNA Beauty Wan Nur Amirah Wan Alias, 29, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Usahawan Wanita sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) Peringkat DUN Temangan sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian dan sumbangannya dalam bidang keusahawanan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Mohamed Fadzli Hassan berkata, penganugerahan tersebut membuktikan wanita Kelantan mampu mencipta kejayaan dan menjadi contoh kepada masyarakat melalui kesungguhan serta ketekunan dalam bidang yang diceburi.

Menurutnya yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan berharap kejayaan yang diraih Wan Nur Amirah dapat menjadi inspirasi kepada lebih ramai wanita untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan taraf ekonomi keluarga.

“Anugerah ini merupakan peng-



hargaan atas kegigihan, kecekalan dan sumbangan beliau dalam bidang keusahawanan, sekali gus menjadi inspirasi kepada wanita lain untuk terus maju dan berjaya.

“Semoga beliau terus melahirkan lebih ramai mentee melalui program pembangunan wanita dan ibu-ibu serta membimbing generasi usahawan yang berilmu, berdaya saing dan berakhlak mulia,” katanya ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah DUN Temangan, pada Isnin.

Beliau turut mendoakan agar segala usaha yang dilakukan Wan Nur Amirah diberkati Allah SWT serta

menjadi asbab manfaat kepada masyarakat.

Sementara itu, Pusat Sumber Sayyidatina Hafsa Kelantan dalam kenyataan medianya memaklumkan, Wan Nur Amirah menerima pengiktirafan tersebut berdasarkan pencapaian cemerlang yang diraih dalam bidang keusahawanan.

Menurut kenyataan itu, antara pencapaian membanggakan beliau ialah merekodkan jualan sebanyak RM650,000 dalam tempoh empat jam siaran langsung di TikTok pada tahun 2025 dan RM500,000 dalam tempoh tiga jam pada tahun 2026.

Beliau juga menerima Anugerah



Orang Awam sempena Sambutan Hari Polis Ke-218 pada tahun 2025 serta Anugerah TikTok Shop Malaysia “Top Emerging Seller” pada tahun 2026.

Majlis Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah DUN Temangan yang berlangsung pada 20 Jun lalu mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran sebanyak 313 peserta.

Penganugerahan tersebut diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada usaha melahirkan lebih ramai usahawan wanita yang berjaya serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

Sistem politik perlu lebih adil, capai sasaran 30 peratus wanita - Dato' Mumtaz

Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 24 Jun – Reformasi sistem politik yang lebih adil, inklusif dan mesra wanita perlu dilaksanakan bagi memastikan sasaran 30 peratus penglibatan wanita dalam politik negara dapat dicapai secara berkesan.

Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawawi berkata, usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam politik tidak seharusnya tertumpu kepada angka semata-mata, sebaliknya perlu disertai pembaharuan menyeluruh yang mampu menghapuskan pelbagai halangan struktur dan sistemik yang menghalang wanita daripada mencapai kedudukan kepimpinan.

Menurutnya, wanita merupakan hampir separuh daripada penduduk negara dan memainkan peranan besar dalam institusi keluarga, pendidikan, ekonomi, sektor profesional, perkhidmatan awam serta pembangunan masyarakat.

“Persoalan sebenar hari ini bukan sekadar bagaimana kita menambah bilangan wanita dalam Parlimen, tetapi bagaimana kita memastikan wanita mampu mempengaruhi dan menguasai dasar negara secara berkesan dan berterusan,” katanya ketika membahaskan Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Masyarakat berhubung Kesaksamaan Gender Dalam Politik Malaysia: Ke Arah Sasaran 30 Peratus Penglibatan Wanita di Malaysia di Dewan Rakyat pada 22 Jun.

Beliau menjelaskan, antara cabaran utama yang perlu ditan-



gani ialah proses pencalonan dalam parti politik yang masih didominasi oleh struktur kepimpinan lelaki, selain budaya penyandang yang mengehadkan peluang kepada calon wanita baharu.

Katanya, akses yang tidak seimbang kepada jaringan politik, peluang pendedahan awal serta ketiadaan mekanisme latihan dan bimbingan yang tersusun turut menjadi faktor yang menyukarkan kemunculan lebih ramai pemimpin wanita.

Dato' Mumtaz turut menegaskan bahawa kos politik yang semakin tinggi menjadi antara penghalang terbesar kepada penyertaan wanita dalam pilihan raya dan kepimpinan politik.

“Ramai wanita bukan tidak mahu bertanding. Mereka tidak mampu dan tidak berpeluang bertanding,” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan pelaksanaan reformasi pembiayaan politik termasuk penyediaan dana khusus bagi kempen pilihan raya, pembiayaan tahunan kepada calon wanita yang berjaya serta insentif kepada parti

politik yang meningkatkan pencalonan wanita.

Beliau turut menggesa supaya Kod Tatakelakuan Parlimen berkaitan gangguan dan diskriminasi diwujudkan bagi menangani budaya politik toksik, gangguan seksual, diskriminasi gender, buli siber dan penghinaan berasaskan jantina.

Selain itu, beliau mencadangkan latihan sensitiviti gender dan kepimpinan inklusif diwajibkan kepada Ahli Parlimen, senator serta pegawai Parlimen bagi mewujudkan persekitaran politik yang lebih profesional dan menghormati kepelbagaian.

Mengulas mengenai wanita luar bandar, beliau berkata perhatian khusus perlu diberikan kepada golongan tersebut agar mereka tidak tercicir daripada arus pembangunan kepimpinan negara.

“Ukuran sebenar kejayaan bukanlah apabila kita mempunyai 30 peratus wanita dalam politik. Ukuran sebenar kejayaan ialah apabila wanita dari kampung, dari keluarga B40 dan dari kawasan pedalaman turut mempunyai laluan

“

Saya ingin menegaskan bahawa cabaran terbesar wanita Malaysia hari ini bukanlah kerana mereka kurang berkebolehan untuk memimpin, tetapi kerana sistem politik kita masih belum cukup matang untuk menerima kepimpinan mereka secara adil,”

yang adil untuk menjadi pemimpin negara,” jelasnya.

Beliau turut mencadangkan kerajaan mewujudkan Pelan Pembangunan Kepimpinan Wanita Nasional yang memberi fokus kepada wanita luar bandar, FELDA, sektor pertanian, komuniti nelayan, NGO dan pihak berkuasa tempatan.

Menurutnya, sasaran 30 peratus wanita dalam politik perlu dilihat sebagai usaha memperluaskan peluang dan pembangunan bakat, bukannya sekadar memenuhi kuota.

“Saya ingin menegaskan bahawa cabaran terbesar wanita Malaysia hari ini bukanlah kerana mereka kurang berkebolehan untuk memimpin, tetapi kerana sistem politik kita masih belum cukup matang untuk menerima kepimpinan mereka secara adil,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia memerlukan sebuah sistem politik yang adil dan berintegriti agar lebih ramai wanita berkualiti mampu tampil memimpin negara serta menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara secara menyeluruh.



Permohonan Anugerah Kecemerlangan STPM 2025 dibuka, penghargaan kepada pelajar cemerlang



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 23 JUN - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) membuka permohonan Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan STPM 2025 sebagai tanda penghargaan kepada pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan tersebut.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, anugerah berkenaan merupakan antara inisiatif kerajaan negeri untuk mengiktiraf pencapaian akademik pelajar serta menggalakkan budaya kecemerlangan ilmu dalam kalangan generasi muda.

Menurutnya, permohonan telah dibuka bermula 21 Jun dan akan ditutup pada 24 Jun 2026 pada jam 12.30 tengah hari.

"Anugerah ini diwujudkan se-

bagai penghargaan kepada pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam peperiksaan STPM 2025 serta sebagai galakan kepada pelajar lain untuk terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

"Ia juga mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dalam memperkasakan agenda pendidikan dan membudayakan kecemerlangan akademik dalam kalangan masyarakat," katanya dalam kenyataan media pada Ahad lalu.

Beliau berkata, anugerah tersebut terbuka kepada calon yang memperoleh keputusan 4A dalam peperiksaan STPM 2025 serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Tambahnya lagi, usaha mengiktiraf kecemerlangan akademik merupakan antara pendekatan penting dalam melahirkan modal insan berkualiti yang mampu menyumbang kepada pembangunan negeri dan negara pada masa hadapan.

Menurutnya, penghargaan kepada pelajar cemerlang bukan sekadar mengiktiraf kejayaan yang dicapai, malah menjadi suntikan motivasi kepada generasi muda untuk terus mengejar kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

"Kerajaan negeri sentiasa mem-

beri perhatian kepada pembangunan pendidikan kerana ia merupakan asas penting dalam membentuk masyarakat berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

"Kita berharap lebih ramai pelajar akan terus berusaha mencapai kecemerlangan akademik dan memanfaatkan peluang yang disediakan melalui pelbagai inisiatif pendidikan kerajaan negeri," katanya.

Menurutnya, kategori permohonan melibatkan anak kelahiran Kelantan termasuk mereka yang menduduki peperiksaan di luar negeri, selain calon bukan kelahiran Kelantan yang menduduki peperiksaan di negeri ini.

"Peluang ini diberikan kepada semua calon yang layak tanpa mengira lokasi mereka menduduki peperiksaan, selagi memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur," katanya.

YB Dato' Wan Roslan berkata, pelajar yang memenuhi syarat kelayakan digalakkan mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan proses penilaian dan pengiktirafan dilaksanakan dengan lancar.

Menurutnya, borang permohonan boleh diperoleh di Pejabat Yayasan Islam Kelantan menerusi

Kaunter Khidmat Pelanggan atau dimuat turun melalui laman rasmi YIK.

Beliau berkata, borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan di Lebuhraya Tunjong-Pasir Mas, Kota Bharu pada waktu pejabat.

"Calon-calon yang layak dinasihatkan supaya memastikan semua dokumen dan maklumat yang diperlukan dilengkapkan sebelum tarikh tutup permohonan bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

"Permohonan yang dikemukakan dalam tempoh ditetapkan akan membantu melancarkan urusan semakan dan penyelarasan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan," katanya.

Beliau turut menggesa orang ramai supaya membantu menyebarkan hebahan tersebut kepada calon-calon yang layak agar tiada pelajar yang tercicir daripada memohon anugerah berkenaan.

Menurutnya, penyebaran maklumat yang meluas akan memastikan lebih ramai pelajar cemerlang mendapat peluang menerima pengiktirafan yang sewajarnya atas pencapaian mereka dalam peperiksaan STPM 2025.

Kelantan zahir dukacita atas kemangkatan puteri sulung Raja Thailand

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 23 Jun - Kerajaan Negeri Kelantan menzahirkan rasa dukacita susulan kemangkatan Puteri Bajrakitiyabha Narendira Debyavati, puteri sulung Raja Thailand, Raja Maha Vajiralongkorn.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Muhamad berkata, beliau hadir ke Konsulat Jeneral Diraja Thailand di Kota Bharu sebagai wakil kepimpinan Kerajaan Negeri bagi menyempurnakan upacara menandatangani buku takziah susulan perkhbarian sedih yang menimpa negara jiran itu.

Menurut beliau, Puteri Bajrakitiyabha atau lebih dikenali sebagai Puteri Pha dilaporkan mangkat pada



11 Jun lalu selepas dimasukkan ke hospital hampir empat tahun.

Katanya, mendiang merupakan seorang anakanda diraja yang aktif memainkan peranan penting dalam urusan awam dan kebajikan rakyat, selain pernah dianugerahkan pangkat Jeneral Tentera atas jasa serta sumbangannya.

"Mewakili seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri dan rakyat Kelantan, saya menzahirkan rasa dukacita

kepada seluruh ahli keluarga diraja Thailand, pihak konsulat serta rakyat Thailand atas kehilangan tokoh yang amat dihormati," katanya dalam satu hantaran di media sosial pada Isnin.

Beliau turut berharap agar seluruh kerabat diraja diberikan ketabahan, kekuatan dan ketenangan dalam menghadapi kehilangan tersebut.

Tambah YB Zamakhshari, kun-



jungan hormat dan ziarah takziah itu bukan sekadar memenuhi protokol rasmi, malah mencerminkan hubungan akrab serta ikatan diplomatik yang telah lama terjalin antara Kelantan dan Thailand sebagai negara jiran yang dekat.

Beliau berharap hubungan persahabatan, kebersamaan dan kerjasama antara kedua-dua pihak akan terus terpelihara dan kekal utuh demi kesejahteraan serantau.

Hotel Perdana rakan strategik kerajaan negeri bangunkan pelancongan Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Jun— Kerajaan negeri merakamkan penghargaan kepada Hotel Perdana atas komitmen dan kerjasama berterusan dalam menjayakan pelbagai program pelancongan dan promosi negeri, termasuk sepanjang penganjuran Tahun Melawat Kelantan pada tahun lalu.

“Hotel Perdana merupakan contoh terbaik bagaimana sektor swasta boleh menjadi rakan strategik kepada kerajaan dalam membangunkan ekonomi pelancongan.”

Demikian kata Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah ketika berucap di majlis Perasmian dan Meraikan Transformasi dan Pembaharuan Hotel Perdana, di sini, semalam.

Beliau berkata, hotel berkenaan memainkan peranan penting sebagai hos kepada pelbagai persidangan, seminar, program korporat, acara pelancongan dan lawatan rasmi yang membantu memperkenalkan Kelantan kepada pelawat domestik serta antarabangsa.

Tambahnya, kejayaan sektor pelancongan tidak hanya bergantung kepada kerajaan negeri semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama



ma erat daripada semua pemain industri termasuk hotel, pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan, peniaga dan komuniti setempat.

Menurut YB Hilmi, Kelantan mempunyai pelbagai kelebihan yang tidak dimiliki oleh banyak negeri lain, terutama warisan budaya yang kaya dan menjadi identiti negeri itu.

Katanya, antara khazanah budaya yang menjadi tarikan ialah dikir barat, wayang kulit, makyung, seni ukiran kayu, batik, songket, seni mempertahankan diri tradisional serta pelbagai makanan warisan.

Tambahnya, pelancongan masa depan bukan sekadar tertumpu kepada pembangunan moden dan pusat beli-belah, sebaliknya lebih menjurus kepada nilai warisan, cerita dan pengalaman yang dapat dinikmati pelancong.

Sehubungan itu, beliau berharap Hotel Perdana terus menjadi antara platform utama dalam memperkenalkan budaya dan warisan Kelantan kepada masyarakat dunia.

“Biarlah setiap pelancong yang menginap di sini pulang bukan sahaja dengan kenangan sebuah hotel yang selesai, tetapi juga dengan pengalaman menghayati keindahan budaya masyarakat Kelantan yang terkenal dengan sifat mesra, sopan dan menghormati tetamu.

“Dalam budaya Melayu dan Islam yang menjadi tunjang negeri ini, memuliakan tetamu adalah sebahagian daripada akhlak dan ibadah,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil berkata, Hotel Perdana berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi antara pintu masuk utama kepada pengalaman

pelancongan di Kelantan.

“Dengan kemudahan yang telah dinaik taraf, lokasi yang strategik, perkhidmatan yang berkualiti dan identiti budaya yang kukuh, saya yakin hotel ini mampu menjadi pilihan utama pelancong domestik dan antarabangsa,” katanya.

Beliau turut menegaskan kerajaan negeri akan terus memberikan sokongan kepada usaha yang dapat memperkukuhkan industri pelancongan dan hospitaliti demi manfaat ekonomi rakyat serta pembangunan negeri secara keseluruhan.

Pada masa sama, beliau mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada PNB serta semua pihak yang terlibat dalam pembangunan sektor hospitaliti dan pelancongan negeri.

Katanya, Hotel Perdana diharapkan terus memainkan peranan penting dalam mempromosikan warisan, budaya dan keindahan Kelantan di peringkat antarabangsa serta menjadi lambang keramahan rakyat negeri itu.

“Harapan besar kerajaan negeri dan seluruh rakyat Kelantan ialah supaya Hotel Perdana terus menjadi ikon hospitaliti dan pintu utama menyambut kedatangan pelancong serta pengunjung domestik dan antarabangsa ke Kelantan,” jelasnya.

Kelantan hargai PNB naik taraf Hotel Perdana



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Jun— Kerajaan Negeri Kelantan menghargai langkah strategik Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam menaik taraf Hotel Perdana menerusi pelaburan, penambahbaikan serta pengurusan profesional yang dilaksanakan sejak mengambil alih dan menguruskan hotel berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, komitmen dan visi jangka panjang yang ditunjukkan oleh PNB bersama Attana Hotels & Resorts berjaya mengembalikan semula kedudukan

Hotel Perdana sebagai antara hotel utama dan paling berprestij di Kelantan.

Katanya, kejayaan yang dicapai hotel itu hari ini membuktikan aset warisan boleh diberikan nafas baharu tanpa kehilangan identiti asalnya.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan, saya merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada PNB serta Attana Hotels & Resorts atas kejayaan mengembalikan kedudukan Hotel Perdana sebagai antara Hotel utama yang berprestij di Kelantan.

“Kita amat menghargai langkah strategik PNB menaik taraf hotel ini dengan komitmen serta visi jangka panjang yang jelas.”

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis Perasmian dan Meraikan Transformasi dan Pembaharuan Hotel Perdana, di sini semalam.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Ketua Pegawai Pelaburan

Kumpulan Permodalan Nasional Berhad Hanizan Hood.

Menurut YB Hilmi lagi, antara keunikan Hotel Perdana ialah identitinya yang kekal menonjolkan ciri-ciri negeri Kelantan dan tidak cuba meniru konsep hotel lain dalam membuat transformasi.

Katanya, sebaik sahaja pengunjung melangkah masuk ke perkarangan hotel, mereka dapat melihat unsur seni bina, motif ukiran, penggunaan elemen tradisional, warna-warna lembut serta sentuhan budaya yang begitu sinonim dengan negeri itu.

“Fasa pembangunannya membawa identiti tempatan, manakala ruang dalamnya mempamerkan kehalusan seni warisan. Motif ukiran dan dekorasinya pula mengangkat keunikan budaya Melayu Kelantan,” katanya.

Tambahnya, pihak pengurusan hotel telah melaksanakan kerja-kerja naik taraf dan pembaharuan melibatkan pelbagai ruang utama ho-

tel sepanjang tempoh enam bulan lalu.

Daripada keseluruhan 270 bilik yang tersedia, sebanyak 189 bilik telah diperbaharui, manakala ruang lobi diberikan wajah lebih moden dan mesra pelanggan.

Selain itu, kapasiti tempat duduk di Cerana Restaurant turut ditingkatkan daripada 180 kepada 300 orang bagi memenuhi keperluan pelanggan.

“Ini menunjukkan kesungguhan pihak pengurusan dalam meningkatkan pengalaman pelanggan sejajar dengan kehendak pelancongan masa kini.

“Namun yang lebih penting, transformasi ini tidak mengorbankan identiti Kelantan. Sebaliknya, unsur budaya dan warisan terus dikekalkan serta diketengahkan dalam reka bentuk baharu.

“Inilah pendekatan yang amat kita hargai, maju tanpa kehilangan jati diri, berubah tanpa melupakan akal budi,” katanya.

Bandar Sri Mentara Machang pemangkin baharu pembangunan jajahan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 24 Jun – Bandar Sri Mentara Machang berpotensi menjadi pemangkin baharu kepada pembangunan Jajahan Machang menerusi pelbagai inisiatif yang merancakkan aktiviti ekonomi setempat sekali gus memperkukuhkan kesejahteraan dan perpaduan masyarakat.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, objektif utama penganjuran Program Mache Kito Bersama Komuniti 2026 adalah untuk memperkenalkan Bandar Sri Mentara Machang kepada masyarakat agar segala kemudahan yang tersedia dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat.

Menurutnya, bandar tersebut mempunyai potensi besar untuk menjadi pemacu pertumbuhan baharu yang mampu memberi nafas segar kepada pembangunan Jajahan Machang pada masa hadapan.

“Objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan Bandar Mentara Machang kepada masyarakat agar bandar ini dapat menjadi pemangkin dan memberi nafas baharu kepada pembangunan Jajahan Machang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Mache Kito Bersama Komuniti 2026 di Bandar Sri Mentara Machang, di sini, pada 19 Jun.

Program anjuran Al-Farhain Medical Centre Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Daerah Machang (MDM) dan Cek Dik Agency itu berjaya menghimpunkan pemimp-



in tempatan, agensi kerajaan, usahawan serta masyarakat setempat dalam suasana penuh harmoni dan semangat kebersamaan.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor, barisan kepimpinan Majlis Daerah Machang, wakil agensi kerajaan, pemimpin masyarakat serta komuniti setempat.

YB Hilmi juga memaklumkan, program berkenaan bukan sekadar menjadi platform untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat dan pelbagai agensi, malah turut memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan aspek kesihatan, kesejahteraan dan perpaduan komuniti.

Menurutnya, pendekatan yang menggabungkan elemen kesihatan, ekonomi, sosial dan kebudayaan selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk melahirkan rakyat yang sihat, aktif dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran semasa.

Beliau berkata, tema “Satu Hari, Seribu Manfaat” yang diangkat dalam program tersebut mencerminkan

usaha bersepadu pelbagai pihak untuk membawa manfaat yang menyeluruh kepada masyarakat, termasuk dalam aspek pembangunan modal insan dan pengukuhan institusi komuniti.

Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti telah diadakan bagi menarik penyertaan pelbagai lapisan masyarakat termasuk acara berjalan santai bertebaran kain sarong, pemeriksaan kesihatan percuma, kempen derma darah, aktiviti kekeluargaan dan kanak-kanak serta jualan oleh usahawan tempatan.

Program itu turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan tradisional seperti dikir barat dan wayang kulit yang menjadi antara tarikan utama kepada pengunjung sekali gus membantu memartabatkan warisan seni budaya negeri.

Pada majlis sama, YB Hilmi turut merakamkan penghargaan kepada warga Machang atas pelbagai pencapaian cemerlang yang berjaya diraih sepanjang tahun 2025 dan 2026.

“Objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan Bandar Mentara Machang kepada masyarakat agar bandar ini dapat menjadi pemangkin dan memberi nafas baharu kepada pembangunan Jajahan Machang,”

Menurutnya, Jajahan Machang telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam pelbagai aspek pembangunan komuniti, kebersihan dan kesejahteraan rakyat apabila dianugerahkan sebagai Jajahan Cemerlang sempena Sambutan Hijratul Rasul.

Selain itu, Majlis Daerah Machang turut dinobatkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Terbaik pada Sambutan Hari Kelantanku Bersih, manakala Yang Dipertuanya menerima pengiktirafan sebagai YDP Cemerlang.

Katanya, pencapaian tersebut membuktikan komitmen berterusan semua pihak dalam memastikan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat di jajahan itu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sehubungan itu, beliau berharap momentum kecemerlangan yang telah dicapai dapat diteruskan dan dipertingkatkan pada masa hadapan sehingga Machang berjaya dinobatkan sebagai Bandar Paling Bahagia.



Legislator perlu buat keputusan berasaskan fakta demi kepentingan rakyat



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 24 Jun — Tugas utama seorang legislator ialah meneliti, membahas dan membuat keputusan berasaskan fakta bagi memastikan setiap dasar, undang-undang serta peruntukan yang diluluskan benar-benar menjaga kepentingan rakyat dan pembangunan negeri.

Timbalan Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Nik Bahrum Nik Abdullah berkata, tanggungjawab tersebut sering kurang mendapat perhatian masyarakat kerana kebanyakannya berlaku di dalam dewan dan tidak dapat dilihat secara langsung oleh rakyat.

Menurutnya, ramai melihat peranan wakil rakyat melalui aktiviti

turun padang, menghadiri program, menyampaikan bantuan, mendengar aduan serta menziarahi penduduk di kawasan masing-masing.

“Semua itu penting. Namun ada satu lagi bahagian tugas seorang legislator yang jarang kelihatan di mata masyarakat sedangkan kesannya dirasai oleh hampir semua orang. Ia berlaku di dalam dewan,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

YB Nik Bahrum yang juga pengamal undang-undang berkata, peranan legislator bukan sekadar berucap ketika persidangan berbilang langsung sebaliknya memerlukan penelitian mendalam terhadap pelbagai dokumen sebelum sesuatu isu dibahaskan atau diputuskan.

Katanya, seseorang legislator lazimnya perlu meneliti laporan jabatan, kertas dasar, cadangan projek, laporan kewangan serta dokumen berkaitan rang undang-undang dan pindaan undang-undang yang adakalanya mencecah ratusan muka surat.

“Mereka juga perlu mendapatkan maklumat tambahan daripada jabatan dan agensi berkaitan, menyemak statistik, meneliti implikasi kewan-

gan serta memahami kesan sesuatu cadangan terhadap rakyat dan kerajaan.

“Ini kerana keputusan yang dibuat di dalam dewan bukan perkara kecil,” katanya.

Beliau menjelaskan, apabila kerajaan membentangkan peruntukan pembangunan, legislator perlu memastikan wang awam dibelanjakan secara berkesan dan memberi manfaat optimum kepada rakyat.

Menurutnya lagi, apabila sesuatu rang undang-undang dibentangkan, legislator perlu menilai sama ada dasar itu mampu melindungi hak rakyat, menyelesaikan masalah yang wujud serta boleh dilaksanakan secara adil.

“Apabila sesuatu dasar dicadangkan, mereka perlu melihat kesannya bukan sahaja untuk hari ini, tetapi juga kepada generasi akan datang.

“Sebab itu rakyat tidak menghantar wakil mereka ke dewan untuk bercakap kosong atau sekadar memenuhi kerusi. Mereka menghantar seseorang untuk membawa suara mereka dengan fakta yang tepat, hujah yang kukuh dan pertimbangan yang matang,” jelasnya.

Dalam masa sama, beliau menegaskan, tugas di kawasan tetap penting kerana rakyat memerlukan wakil yang dekat dengan mereka serta memahami keperluan dan cabaran setempat.

Namun katanya, rakyat juga berhak mendapat legislator yang rajin membaca, mengkaji dan bersungguh-sungguh mempertahankan kepentingan mereka ketika keputusan penting sedang dibuat di dalam dewan.

Tambahnya, banyak perkara yang mempengaruhi kehidupan harian rakyat sebenarnya ditentukan melalui proses perbincangan dan keputusan yang dibuat di dewan sebelum dilaksanakan.

“Jalan yang kita lalui, sekolah yang digunakan oleh anak-anak kita, peruntukan yang diterima oleh negeri, dasar yang memberi kesan kepada ekonomi dan kos sara hidup serta undang-undang yang mengawal kehidupan bermasyarakat.

Semua itu akhirnya melalui dewan sebelum dilaksanakan. Kerja itu mungkin tidak selalu kelihatan tetapi kesannya dirasai oleh semua,” katanya.

60 warga Selising terima skim kebajikan kerajaan negeri

Oleh: Syamimi Manah

PASIR PUTEH, 25 Jun — Sebanyak 60 warga Dewan Undangan Negeri (DUN) Selising menerima manfaat menerusi pelbagai skim kebajikan dan penghargaan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam satu majlis penyampaian sumbangan yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Selising, pada 20 Jun.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Selising YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sumbangan tersebut melibatkan penerima Skim Bantuan One-Off IPT, Manfaat Kifaalah, Skim Gerbang Az-Ziwaaj serta Skim Bantuan Kronik Kerajaan Negeri Kelantan.

Menurutnya yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan, inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk memastikan kebajikan rak-



yat terus diberi perhatian, khususnya golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan.

“Alhamdulillah, melalui pelbagai skim yang disediakan Kerajaan Negeri, sebanyak 60 warga DUN Selising menerima manfaat pada hari ini. Bantuan ini bukan sahaja dapat meringankan beban penerima, malah menjadi tanda keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan rakyat di setiap peringkat,”

katanya di laman rasmi pada Sabtu.

Tambahnya, kerajaan negeri sentiasa komited memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati manfaat daripada dasar dan program kebajikan yang dilaksanakan.

“Kita mahu setiap lapisan masyarakat dapat merasai manfaat pembangunan dan kebajikan yang disediakan kerajaan. Semoga ban-



tuan yang disampaikan ini dapat memberi kelegaan kepada penerima serta mengukuhkan semangat kebersamaan dalam masyarakat,” ujarnya.

Majlis berkenaan dimulakan dengan kuliah dhuha yang disampaikan oleh Dato’ Tuan Mohd Saripudin sendiri yang menekankan kepentingan menuntut ilmu serta menghayati nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Perawat Islam perlu jadi pendakwah di medan kesihatan ummah

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 24 Jun – Peranan perawat Islam tidak seharusnya terhad kepada merawat penyakit semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pendakwah yang membimbing masyarakat kembali kepada ajaran Islam dalam usaha membina kesejahteraan ummah secara menyeluruh.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, perawat Islam memikul tanggungjawab yang besar dalam mendidik serta membimbing pesakit agar kembali mendekatkan diri kepada Allah SWT, di samping membantu menangani pelbagai masalah kehidupan yang dihadapi masyarakat.

Menurutnya, ramai pesakit yang mendapatkan rawatan berdepan masalah kesihatan bahkan turut berhadapan dengan isu pengabaian solat, konflik rumah tangga, tekanan emosi, gangguan jiwa serta terjebak dalam pelbagai bentuk maksiat dan dosa.

“Justeru, tugas perawat bukan hanya membaca ruqyah atau memberi air penawar tetapi mengajak pesakit kembali kepada Allah SWT, membimbing mereka menjaga solat, menghidupkan amalan zikir dan al-Quran serta menanam keyakinan bahawa penyembuh sebenar hanyalah Allah SWT,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Kursus Asas Rawatan Patuh Syariah (i-Syifa’) yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, 22 Jun.

Kursus tersebut dianjurkan bagi memperkukuhkan kefahaman serta kompetensi para perawat Islam ter-



hadap amalan rawatan yang sah, beretika dan mematuhi kehendak syarak selaras dengan peruntukan undang-undang negara.

YB Hilmi turut menjelaskan, Kerajaan Persekutuan telah mengubal Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) sebagai mekanisme kawal selia terhadap bidang perubatan tradisional dan komplementari termasuk Amalan Pengubatan Islam yang diiktiraf secara rasmi.

Menurutnya, akta tersebut mewajibkan para perawat berdaftar dengan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari bagi memastikan aspek kompetensi, etika serta keselamatan pesakit sentiasa terpelihara.

“Seorang perawat Islam pada hari ini tidak lagi boleh beroperasi hanya berbekalkan pengalaman semata-mata, sebaliknya perlu memiliki ilmu, latihan, akhlak serta pematuhan terhadap undang-undang yang ditetapkan,” jelasnya.

Menurutnya, usaha memperkasakan bidang rawatan Islam amat penting kerana ia mempunyai peranan yang signifikan dalam pembangunan masyarakat yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

“Negeri Kelantan yang berteraskan Dasar Membangun Bersama Islam sentiasa memberi perhatian terhadap pembangunan insan secara menyeluruh termasuk dalam aspek kesihatan yang berlandaskan syariat Islam.

“Rawatan Islam yang patuh syariah mampu membantu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan kesihatan berasaskan Islam selain menjadi pelengkap kepada sistem kesihatan moden melalui pendekatan spiritual dan psikososial yang dibenarkan syarak,” ujarnya.

Beliau turut menjelaskan, pendekatan tersebut berpotensi membantu menangani isu kesihatan mental, tekanan emosi dan keruntuhan institusi keluarga melalui kaedah tarbiah serta dakwah yang berkesan.

Pada masa sama, katanya, rawatan Islam yang berlandaskan syariat juga mampu menjadi benteng masyarakat daripada terpengaruh dengan bomoh palsu, amalan sihir dan pelbagai bentuk penyelewengan akidah yang boleh merosakkan pegangan umat Islam.

“Bidang ini juga berupaya melahirkan lebih ramai perawat profesional yang berfungsi sebagai duta

“

Seorang perawat Islam pada hari ini tidak lagi boleh beroperasi hanya berbekalkan pengalaman semata-mata, sebaliknya perlu memiliki ilmu, latihan, akhlak serta pematuhan terhadap undang-undang yang ditetapkan,”

dakwah Islam kepada masyarakat,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Kelantan dapat muncul sebagai model negeri yang melahirkan pengamal rawatan Islam yang berdaftar, profesional, berintegriti dan dihormati masyarakat.

Beliau merakamkan penghargaan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) atas penganjuran kursus berkenaan yang disifatkan sebagai satu usaha penting dalam melahirkan perawat Islam yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang rawatan, malah memahami tanggungjawab syarie, mematuhi undang-undang serta melaksanakan amanah dakwah yang dipikul.

Program tersebut turut diisi dengan taklimat mengenai Akta 775 yang disampaikan oleh Ketua Penolong Pengarah (Penyelidikan) JHEAIK Ustaz Mohd Fadhlil Sulaiman, ceramah bertajuk Ciri-ciri Gangguan Jin oleh Presiden DarusSalam Malaysia Ustaz Abdul Manaf Jusoh serta sesi Bacaan Ruqyah dan Amalan yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Sahibus Samahah Dato’ Biji Sura Dato’ Nik Abdul Kadir Nik Mohamad.



38 pegawai masjid Kelantan terima Sijil Kemahiran Malaysia

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 22 Jun – Sebanyak 38 pegawai masjid di Kelantan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) selepas berjaya menamatkan kursus masing-masing dalam satu majlis graduasi yang diadakan di sebuah hotel di sini, hari ini.

Majlis pengurniaan sijil tersebut disempurnakan oleh Tengku Temenggong Kelantan yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz.

Daripada 38 graduan tersebut, 22 peserta menerima sijil Kursus Pengoperasian Masjid Tahap 1 dan 16 lagi menerima sijil Kursus Penyelarasan Operasi Masjid Tahap 2. Manakala berikutnya, seramai 16 peserta daripada graduan tersebut bakal mengikuti kursus Tahap 3.

YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam berkata, program SKM untuk pegawai masjid dilaksanakan oleh MAIK dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Beliau berkata, program yang diadakan itu mencerminkan komitmen berterusan MAIK dalam memperkasa pembangunan modal insan ummah melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi aspek pembangunan kemahiran, keilmuan dan penghayatan al-Quran.

Jelasnya lagi, program berkenaan dilaksanakan bagi memastikan pegawai masjid dapat mening-



katkan kompetensi dan keupayaan dalam mengurus institusi masjid secara lebih profesional, sistematik dan berkesan.

“Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kompetensi pegawai masjid, memberikan pendedahan kepada sistem latihan berasaskan standard kemahiran kebangsaan serta menyediakan laluan pengiktirafan kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Graduasi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Program Murajaah Hafazan Al-Quran MAIK Tahun 2025, di sebuah hotel di sini, hari ini.

Katanya lagi, MAIK merupakan majlis agama Islam negeri terawal di Malaysia yang mengambil langkah proaktif melaksanakan Program Akademi Dalam Industri (ADI) bagi memperkasa kompetensi dan profesionalisme petugas masjid dengan kerjasama JPK.

Tambahnya, program itu menggunakan modul latihan berasaskan National Occupational Skills Standard (NOSS) yang diiktiraf oleh JPK.

“Melalui pendekatan ini, peserta diberikan pendedahan kepada standard kemahiran kebangsaan yang jelas, tersusun dan menepati keperluan semasa,” ujarnya.

Beliau berkata, keseluruhan latihan dikendalikan oleh tenaga pengajar bertauliah yang diperakui oleh JPK.

“Ini menunjukkan kesungguhan pihak MAIK untuk memastikan setiap latihan yang dilaksanakan mempunyai nilai tambah dan pengiktirafan yang boleh memberi manfaat jangka panjang kepada para peserta,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang menunjukkan komitmen dan kesungguhan sepanjang mengikuti latihan berkenaan.

“Kejayaan yang dicapai hari ini

“

Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kompetensi pegawai masjid, memberikan pendedahan kepada sistem latihan berasaskan standard kemahiran kebangsaan serta menyediakan laluan pengiktirafan kemahiran yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran,”

bukan sahaja menjadi pengiktirafan kepada usaha saudara-saudari, malah menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti pengurusan dan pengimarah masjid di negeri Kelantan,” tegasnya.

Dalam majlis tersebut, dua peserta terbaik program SKM iaitu Mohamad Nasharudin Hashim dan Wan Abdul Majid Wan Shukri menjunjung kurniaan berupa sijil dan cek cura bernilai RM 500 setiap seorang.

Hadir sama, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Sahibul Samahah Dato' Kaya Perba Dato' Mohamad Shukri Mohamad, Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan Dato' Ibrahim Deris, Timbalan YDP MAIK Dato' Mohd Anis Hussin, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) Dr Hasnan Ramli dan wakil JPK Asri Mat Abdul Malik.



Pengguna puas hati mutu perkhidmatan, kualiti dan kuantiti air AKSB

Oleh: Asri Hamat

MACHANG, 25 Jun – Pengguna bekalan air di Kampung Bagan Atas, Pulai Chondong berpuas hati dengan mutu perkhidmatan serta kualiti dan kuantiti air bersih yang dibekalkan oleh Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB).

Penghulu Mukim Bagan Atas, Pulai Chondong Syed Hussin Syed Bremen, 55, berkata keadaan bekalan air di mukim itu sememangnya pernah berdepan masalah sejak beliau mula bertugas pada 2010 namun usaha penambahbaikan dan penyelesaian sentiasa dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Beliau berkata, setiap rungutan yang diterima daripada penduduk kampung akan diambil tindakan segera oleh pihak AKSB dalam tempoh 24 jam selepas aduan dibuat.

“Orang kampung buat aduan kepada penghulu dan penghulu



panjangkan kepada AKSB. Pihak AKSB bertindak secepat mungkin,” katanya ketika ditemui media, pada Selasa.

Menurutnya, hasil kerjasama erat antara AKSB, anak mukim dan penghulu, tindakan pembaikan termasuk membaiki paip rosak dapat dilaksanakan dengan segera, lazimnya dalam tempoh tidak sampai dua atau tiga hari.

“Jadi saya sebagai wakil penduduk setakat ini berpuas hati dengan kelajuan air serta tindakan segera pihak AKSB untuk mem-

baik pulih apa-apa kerosakan.

“Alhamdulillah, terima kasih AKSB,” ujarnya.

Sementara itu, seorang pengguna di Kampung Bagan Atas yang enggan namanya disiarkan berkata, mutu perkhidmatan AKSB setakat ini sangat baik.

Katanya, air yang diterima adalah jernih dengan kualiti yang baik selain mempunyai aliran yang lancar.

Menurutnya, walaupun pernah berlaku masalah bekalan air sebelum ini, tindakan pantas sentiasa



diambil oleh pihak AKSB selepas aduan dikemukakan.

“Jika ada aduan yang dibuat, Alhamdulillah AKSB bertindak dengan amat baik dan pantas untuk menyelesaikan masalah seperti paip bocor dan sebagainya.

“Contohnya, apabila kita buat aduan sebelah pagi, sebelah petang pihak AKSB sudah sampai dan menyelesaikan masalah tersebut.

“Saya amat berpuas hati. Jadi dari segi perkhidmatan, kualiti serta kelajuan air, semuanya terbaik,” katanya.

Kuliah mingguan Dato' Tuan Saripudin semarak budaya ilmu di Selising



Oleh: Syamimi Manah

PASIR PUTEH, 26 Jun – Kuliah mingguan yang disampaikan Ahli Dewan Negeri (ADN) Selising YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail di Masjid Taman Barakah, Kampung Tasek Pauh, Selising terus menyemarakkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat setempat serta golongan asatizah.

Menerusi pengajian yang berlangsung secara berkala itu, Dato' Tuan Saripudin meneruskan kuliah tafsir al-Quran yang kini telah memasuki perbincangan Juzuk 15 melibatkan Surah al-Isra' ayat 18

pada 19 Jun lalu.

Menurutnya yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan, sesi kali ini turut menyaksikan permulaan pengajian khusus kitab Idhoh Qawaid Feqhiyyah bersama para asatizah dan ilmuwan muda bagi mendalami kaedah-kaedah fiqh yang menjadi asas penting dalam memahami hukum-hakam Islam.

Katanya, kitab tersebut banyak mengambil manfaat daripada kitab Al-Asybah Wan Nazoir karya Imam al-Suyuti yang membincangkan pelbagai kaedah fiqh yang digunakan dalam proses istinbat

hukum.

Beliau turut berkongsi pengalaman mempelajari kitab berkenaan daripada Tuan Guru Haji Hassan Mentuan ketika menuntut di Pondok Moden Kandis suatu ketika dahulu.

“Tuan Guru Haji Hassan turut membantu gurunya, Syeikh Abdullah al-Lahji menyusun kitab ini atas permintaan Mudir Madrasah Soulatiyyah, sebuah institusi pengajian Islam terkenal di Mekah yang melahirkan ramai alim ulama,” katanya di laman rasmi, pada Sabtu.

Tambahnya, pengajian khusus

kitab tersebut akan diteruskan pada setiap pagi Jumaat sebagai medium memperkukuhkan kefahaman fiqh dalam kalangan asatizah dan ilmuwan muda.

Dato' Tuan Saripudin berharap usaha berterusan dalam menyampaikan ilmu agama itu dapat melahirkan lebih ramai pencinta ilmu serta memperkukuhkan penghayatan masyarakat terhadap ajaran Islam.

“Semoga Allah SWT mengurniakan taufik kepada kita semua untuk terus istiqamah menuntut ilmu dan mengkhataamkan pengajian ini dengan jayanya,” ujarnya.



250 armalah dari tujuh mukim DUN Kadok terima manfaat sumbangan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 25 Jun – Sebanyak 250 armalah daripada tujuh mukim dalam DUN Kadok menerima sumbangan menerusi Program Penyampaian Sumbangan Armalah DUN Kadok Fasa 2 Tahun 2026 yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Kadok, di sini, pada 17 Jun.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kadok YB Dato' Azami Mohd Nor berkata, program tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri untuk memastikan kebajikan golongan armalah sentiasa diberi perhatian dan dibela.

Menurutnya, sumbangan yang disalurkan diharap dapat membantu meringankan beban penerima di samping memberi suntikan semangat kepada mereka untuk meneruskan kehidupan dengan lebih yakin dan tabah.

“Semoga sumbangan yang diberikan dapat sedikit sebanyak meringankan beban serta memberi semangat kepada para penerima



untuk terus kuat meneruskan kehidupan,” katanya menerusi media sosial.

Program berkenaan melibatkan penerima daripada tujuh mukim dalam DUN Kadok iaitu Mukim Biah, Mukim Buloh Poh, Mukim Tanjong, Mukim Paloh Rambai,

Mukim Patek, Mukim Paya Lada dan Mukim Tokkong.

Pelaksanaan program itu mencerminkan komitmen berterusan kepimpinan DUN Kadok dalam memastikan golongan yang memerlukan tidak dipinggirkan, khususnya armalah yang berdepan

pelbagai cabaran dalam meneruskan kehidupan seharian.

Menurutnya, kebajikan rakyat akan terus menjadi antara agenda utama yang diberi perhatian menerusi pelbagai inisiatif dan program kemasyarakatan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Kemelut KAFA dijangka berakhir dalam masa terdekat - Exco Sukan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 25 Jun - Kemelut membabitkan hubungan Persatuan Bolasepak Kelantan (KAFA) dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dijangka menemui penyelesaian dalam masa terdekat.

Demikian menurut Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad.

Menurutnya, perkembangan itu dimaklumkan dalam satu pertemuan dan sesi perbincangan beliau bersama Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Noor Azman Rahman bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan pembangunan bola sepak di Kelantan, termasuk isu yang melibatkan hubungan antara KAFA dan FAM.

Jelasnya, pihak FAM turut



berkongsi perkembangan semasa serta pelan tindakan yang sedang dirancang bagi menyelesaikan kemelut berkenaan.

“Berdasarkan perbincangan yang berlangsung dalam suasana positif dan konstruktif, saya difahamkan bahawa usaha ke arah penyelesaian sedang berjalan dengan baik dan insya Allah akan

menemui noktah dalam masa terdekat,” katanya di media sosial, pada Rabu.

Tambahnya, perkembangan tersebut dilihat sebagai sesuatu yang positif demi masa depan bola sepak Kelantan.

Kata beliau lagi, perkara yang lebih penting adalah memastikan pembangunan bola sepak negeri

terus bergerak ke hadapan, khususnya dalam usaha melahirkan bakat muda, memperkukuh program akar umbi serta mengembalikan kegemilangan sukan bola sepak yang menjadi kebanggaan rakyat Kelantan.

“Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa bersedia memainkan peranan sebagai pemudah cara dan rakan strategik kepada semua pihak demi kepentingan pembangunan sukan serta masa depan generasi muda negeri ini,” ujarnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Noor Azman Rahman dan pihak FAM atas kesediaan menerima kunjungan serta berkongsi pandangan secara terbuka.

“Semoga segala usaha yang dirancang dipermudahkan dan memberi manfaat kepada seluruh warga bola sepak Kelantan,” katanya.



Pengguna puas hati mutu perkhidmatan, kualiti dan kuantiti air AKSB

Suasana Islam di Kelantan hadirkan rasa rindu Ramadan – Bunga Farida

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 22 Jun – Suasana kehidupan Islam yang begitu terserlah di Kelantan telah menghadirkan rasa rindu kepada bulan Ramadan buat Bendahari Kaukus Perempuan Politik Indonesia (KPPI) Kabupaten Nunukan, Bunga Farida yang pertama kali menjejakkan kaki ke negeri ini.

Beliau berkata, identiti Islam yang dapat dilihat di pelbagai sudut kehidupan masyarakat Kelantan memberikan pengalaman yang cukup bermakna sepanjang lawatan delegasi KPPI Nunukan ke negeri ini pada 19 hingga 20 Jun yang lalu.

“Suasana Islamiknya sangat terasa. Sejak malam tadi ketika menaiki bas, saya dapat melihat pelbagai elemen dan tulisan yang bernuansa Islam. Ia membuatkan saya teringat dan merindui suasana Ramadan.”

Bunga Farida berkata demikian ketika ditemui sempena lawatan delegasi Kesatuan Perempuan Partai Kebangkitan Bangsa Indonesia (KPPI) Kabupaten Nunukan yang diketuai Robiyanti Karim Yakub ke beberapa lokasi utama di Kelantan.



Lawatan tersebut melibatkan seramai 11 orang delegasi dan sepanjang lawatan, rombongan dibawa melawat Medan Ilmu Kota Bharu, Istana Balai Besar, Pasar Terapung Pulau Sri Tanjung, RS Serunding, Laman Warisan Kampung Laut serta menghadiri pertemuan bersama Menteri Besar Kelantan dan isteri di kediaman rasmi Menteri Besar.

Menurut Bunga Farida, program Medan Ilmu yang dianjurkan secara terbuka kepada masyarakat memberi gambaran jelas mengenai pentingnya budaya menuntut ilmu tanpa mengira usia.

“Di Medan Ilmu, saya melihat bagaimana masyarakat dididik bahawa pencarian ilmu perlu diterus-

kan sepanjang hayat. Ini adalah satu pendekatan yang sangat baik dalam membina akhlak dan sahsiah rakyat,” ujarnya.

Beliau turut menyifatkan lawatan ke Istana Balai Besar sebagai satu pengalaman yang amat berharga apabila rombongan mereka menerima layanan mesra dan penuh penghormatan daripada pihak istana.

“Ini suatu kebanggaan buat kami. Kami disambut dengan sangat baik dan diberikan layanan yang cukup mesra. Saya bersyukur diperkenalkan dengan ramai insan yang baik sepanjang berada di Kelantan,” jelasnya.

Selain tertarik dengan suasa-

na Islam dan budaya ilmu, Bunga turut memuji keunikan makanan tradisional Kelantan yang sempat dinikmati sepanjang lawatan.

Katanya, hidangan seperti lokan bakar dan akok memberikan pengalaman gastronomi yang berbeza serta mencerminkan kekayaan warisan makanan negeri itu.

Sementara itu, Ketua KPPI Kabupaten Nunukan Robiyanti Karim Yakub berkata lawatan berkenaan merupakan kunjung balas kepada lawatan Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud ke Nunukan beberapa bulan lalu.

Menurutnya, Kelantan yang dikenali sebagai Serambi Mekah sememangnya menampilkan suasana kehidupan Islam yang kuat dan boleh dijadikan inspirasi dalam usaha memperkukuh pembangunan masyarakat di Kabupaten Nunukan.

“Kedatangan kami disambut dengan baik dan memberikan banyak pengalaman serta pengetahuan baharu. Kami berharap hubungan yang terjalin ini dapat diteruskan melalui pelbagai bentuk kerjasama pada masa hadapan,” katanya.

